

**2****BAB**

KONSEP KEUSAHAWANAN MENURUT ISLAM

SEJARAH KEUSAHAWANAN DALAM ISLAM

Secara amnya, perbincangan keusahawanan yang diutarakan oleh para sarjana begitu luas skopnya. Oleh yang demikian, penulisan bidang keusahawanan ini hanya menfokuskan konteks ekonomi dan perdagangan sahaja seperti pengusaha dalam bidang perniagaan, perladangan, pertanian, pembinaan, penternakan dan perkhidmatan. Dari pentas retrospektif sejarah Islam, penglibatan golongan Muslim dalam dunia keusahawanan bukanlah satu fenomena yang asing. Kecenderungan orang-orang Islam dalam aktiviti sedemikian telah berlangsung hampir 15 abad yang silam. Menurut Rafiq Yunus al-Misri (2007), masyarakat Arab adalah komuniti yang berorientasikan perniagaan sehingga Allah SWT memerintahkan mereka beriman dengan menggunakan pendekatan *lahjah* perniagaan (surah al-Saf, 61): 10-11). Masyarakat Arab terutamanya kaum Quraisy aktiviti perniagaan sudah menjadi amalan kelaziman secara tradisi kepada mereka sejak sebelum Islam lagi ('Abd al-Salam Harun, t.t.). Aktiviti perniagaan yang dijalankan ketika itu melibatkan pelbagai jenis transaksi. Namun, sistem transaksi yang diaplikasikan adalah berasaskan kepada teori akal semata-mata. Akibat daripada sifat ketamakan, kejahilan dan hawa nafsu, aktiviti perniagaan tersebut dicemari dengan nilai-nilai negatif seperti penipuan, penindasan, monopoli dan diskriminasi dalam kalangan masyarakat.

Kedatangan Islam telah membawa bersama gelombang pembaharuan dan penambahbaikan dengan menitikberatkan nilai-nilai murni sebagai intisari penting dalam aktiviti perniagaan tetapi dalam masa yang sama menegah dan memberi peringatan yang keras terhadap sikap para peniaga yang memperolehi kekayaan dengan cara menindas hak orang lain (Asghar Ali Engineer, 1992). Reformasi tersebut melibatkan penghapusan dan penambahbaikan amalan sistem muamalah sedia ada. Antaranya, menghapuskan transaksi jual beli yang jelas berlaku kontradiksi dengan prinsip-prinsip Islam seperti mengharamkan amalan riba, judi, perniagaan barangan yang haram (arak, babi, anjing dan barangan najis). Manakala amalan-amalan kontrak yang tidak berkonotasi dengan syarak dikekalkan dengan membuat beberapa modifikasi terhadap jenis-jenis kontrak yang kurang jelas kondisi dan termannya.

Umat Islam terdahulu telah berhasil menempa nama sebagai individu usahawan yang berjaya dan menjadi uswah yang terbaik untuk dicontohi oleh golongan usahawan pada hari ini. Nabi Muhammad SAW, Saidina Abu Bakar RA, Saidina Uthman bin `Affan, Saidina `Umar al-Khattab, Zaid bin Arqam, Thalhah bin `Ubaid al-Allah, `Abd al-Rahman al-`Auf dan sebagainya adalah antara individu-individu yang begitu cemerlang sebagai usahawan dan peniaga. Melalui aktiviti perdagangan dan keusahawanan amnya, pengaruh syiar Islam telah berjaya disebarkan ke wilayah-wilayah negara Arab yang lain dan secara tidak langsung ia telah berjaya melahirkan negara-negara kota Islam yang cemerlang dalam bidang perdagangan. Perkembangan yang positif ini telah menyaksikan sebahagian daripada kota-kota Islam seperti kota Mekah menjadi pusat perdagangan yang terkenal (Reid. A, 1984).